

**PROGRAM EXECUTIVE TALK TAHUN 2020 : AMANAT YAA KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN**


1. Program Executive Talk : Amanat ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan bagi tahun 2020 telah dilangsungkan pada 07hb. Februari, 2020 bertempat di Hotel Klana Resort Seremban bermula jam 2.30 petang sehingga 5.30 petang yang melibatkan seluruh kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Ibu Pejabat Dan Mahkamah Rendah Syariah daerah-daerah.
2. Penyampaian amanat ini disampaikan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan Yang Amat Arif Dato' Abas bin Nordin.
3. Program ini juga adalah sebagai platform dalam penyampaian amanat dan maklumat terkini daripada Ketua Jabatan kepada kakitangan sebagai pemacu semangat dalam sama-sama melaksanakan fungsi jabatan yang berteraskan kepada perundangan Syariah selaras misi dan misi jabatan, di samping memantapkan lagi organisasi di jabatan ini.
4. Sempena tahun 2020 ini, konsep '**Taawun**' iaitu kerjasama telah diangkat sebagai tema nilai murni jabatan dalam usaha melaksanakan tugas di dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, terutamanya umat Islam di Negeri Sembilan. Sebagaimana disebutkan dalam firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah 70 yang menyebutkan :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Bermaksud :

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

Bahkan disebutkan juga dalam Surah Al-Mai'dah ayat 2 :



وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Bermaksud :

“...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya”.

5. Dalam hadith riwayat Bukhari dan Muslim bahawa : *“Orang-orang yang beriman seperti sebuah bangunan”*. Imam Ibnu Jauzi mengatakan ia adalah satu perintah untuk mempraktikkan sifat bantu-membantu antara satu sama lain.
6. Bagi frasa *“Al-Birri Wattaqwa”*, Imam Qurtubi menjelaskan tolong menolong dalam perkara kebaikan untuk mencari keredhaan manusia dan juga keredhaan Allah. Tafsir Al-Qurtubi menerangkan *‘taawun’* ini dianalogikan dengan :

- (1) Orang alim hendaklah membantu orang lain dengan ilmunya
 - (2) Orang kaya hendaklah membantu orang lain dengan hartanya'
 - (3) Orang yang berani menegakkan agama Allah
 - (4) Membantu sesama Islam mengikut kapasiti masing-masing
7. Di samping itu, YAB Menteri Besar Negeri Sembilan juga telah memperkenalkan *tagline* dalam perhimpunan pertama bersama-sama Penjawat Awam Negeri Sembilan iaitu "*Bersih, Muafakat, Sejahtera*", selari dengan pepatah 'orang lama' mengatakan "*Muafakat membawa Berkat*".
8. Untuk mengukuhkan kerjasama atau *taawun* ini, sifat negatif perlulah dibuang dalam diri seperti mementingkan diri sendiri, hasad dengki dan sifat sebagaimana yang telah ditekan dalam *Executive Talk* yang lalu (2019) mengenai '5M' iaitu malu, malas, menyombong, menyalahkan orang lain dan marah.
9. Hasil semangat kerjasama daripada semua kakitangan ini telah dapat diterjemahkan melalui Pencapaian dan Kejayaan Jabatan Tahun 2019 iaitu :
- i. Kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sembilan berhubung pembinaan Mahkamah Syariah Jempol dengan peruntukan berjumlah RM6 juta.
 - ii. Penanugerahan 5 Bintang bagi Audit AI berkaitan pengurusan dan pentadbiran kewangan yang mana antara 5 Jabatan, JKSNNS merupakan yang kedua terbaik di Negeri Sembilan.

- iii. Penglibatan jabatan dalam perarakan Maulidur Rasul 1441H meraih tempat ketiga.
 - iv. Pelan Strategik Jabatan 2020 - 2025 dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan dan bakal dilaksanakan.
10. YAA Dato' juga dalam ucapannya telah berkongsi **10 Hala Tuju Jabatan** untuk dicapai melalui semangat *taawun* antara semua kakitangan seperti berikut :

i. Pembinaan Mahkamah

Susulan pembinaan bangunan MRS Jempol baru yang telah diluluskan, YAA Dato' menyeru kepada Hakim-Hakim Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah Daerah bersama-sama 'turun padang' dengan pihak berkuasa tempatan dalam usaha mendapatkan tapak bagi membina Mahkamah Daerah yang lebih baik.

ii. Mahkamah Khas Hadhanah dan Nafkah

Pada 20 Januari 2020, YAA KHS, YA Hakim Mahkamah Tinggi dan Ketua Pendaftar telah mengadap DYMM Tuanku dan telah memberi perkenan supaya cadangan ini diusulkan segera.

Sehubungan itu, jabatan juga ini akan mengatur lawatan ke Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Mahkamah Keluarga Australia (*Family Court of Australia*) untuk mendapatkan maklumat lanjut. Seterusnya, satu Kertas Cadangan akan dimasukkan dalam Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

iii. Pengukuhan Ilmu para Hakim

Jabatan telah mengadakan perbincangan awal dan lawatan dengan pihak UIAM (AIKOL) dan USIM dan akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) semasa Majlis Menaiktaraf Unit Sulh JKSN yang akan dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan.

iv. Program Turun Padang

Program Literasi Undang-Undang akan diadakan dengan konsep 'turun ke daerah-daerah' supaya penyampaian perkhidmatan Mahkamah Syariah diterima oleh daerah-daerah di Negeri Sembilan. Sebagaimana direncanakan, program Literasi Undang-Undang Tahun 2020 akan diadakan di Johol dengan kerjasama Yayasan Undang Luak Johol.

v. Penyelesaian Kes secara Alternatif

Penyelesaian kes secara alternatif iaitu melibatkan Sulh, Hakam dan Bahagian Sokongan Keluarga perlu diperkasakan lagi. Setakat ini, jabatan telah mengambil inisiatif dengan membuat hebahan di Radio Negeri Sembilan (Negeri FM), pameran dan paparan di *Billboard*.

Selain itu, dicadangkan penglibatan Hakim-Hakim Syarie untuk menyampaikan khutbah khas semasa solat jumaat (dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri) di masjid-masjid sekitar Negeri Sembilan. Usaha ini sebagai salah satu medium supaya masyarakat mendapat maklumat untuk menyelesaikan kes mereka dan menyedarkan masyarakat mengenai bidangkuasa Mahkamah Syariah.

- vi. Kerjasama Strategik antara agensi dan jabatan
Kerjasama strategik antara agensi dan jabatan seperti PGSM, JBG dan lain-lain akan diteruskan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2019, JKSN telah menjalin kerjasama dengan pihak PDRM dalam program menembak di Lapang Sasar Menembak Jelebu dan tahun ini lawatan ke Kem Gemas akan diaturkan.

- vii. Laporan Pencapaian Mahkamah
DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan semasa Majlis Sembah Menghadap Kebawah Tuanku DYMM pada 20 Januari, 2020 yang lalu berpuas hati dengan laporan statistik kes yang dibentangkan. Susulan itu, pihak jabatan akan mengemukakan laporan statistik kes secara bulanan kepada Dato'-Dato' Undang (yang empat) untuk makluman terkini berhubung statistik kes di Mahkamah Syariah.

- viii. Penyusunan Semula Fungsi dan Unit
Tindakan ini selari dengan usaha pengukuhan perjawatan yang mana jabatan kini sedang menunggu waran perjawatan dari pihak SUK. Banyak perkembangan positif antaranya pejawatan secara fleksibel yang membuka lebih peluang positif kepada para kakitangan.

- ix. Pelaksanaan Inovasi
Kakitangan diberi peluang memberi cadangan dan melakukan inovasi demi meningkatkan kualiti perkhidmatan.

- x. YAA Dato' juga menyampaikan Arahan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan integriti sebagaimana berikut :

- i. Melarang penglibatan Penjawat Awam aktif dalam mana-mana parti politik. Mana-mana penjawat awam yang ada jawatan dalam parti politik perlu meletak jawatan.
- ii. Tindakan tatatertib : Ketua Jabatan akan mengambil tindakan tatatertib dengan segera kepada pegawai-pegawai yang bermasalah dan tidak berintegriti.
- iii. Etika Pakaian Penjawat Awam : Pihak SUK akan menggubal dan mengharmonikan etika pakaian Penjawat Awam dan akan diserahkan kepada semua jabatan.

Bagi Pegawai Lelaki (Gred 41 ke atas) : Baju *Lounge Suit*/ Kemeja Lengan Panjang serta tali leher. Baju '*slim fit*' tidak dibenarkan.

Bagi Pegawai Perempuan : Baju *Blouse* dan Skirt Labuh, baju mesti menutupi paras punggung.

- iv. Cadangan pemberian bonus akan dikira berdasarkan LNPT atau pencapaian prestasi penjawat awam.

DISEDIAKAN OLEH :

PUAN NORFADZILLAH BINTI ROSLI & PUAN NOR BAZILAH BINTI ABDUL BASIR
JAWATANKUASA EXECUTIVE TALK 2020